

## **Pelayaran Amerika Syarikat di Tengah Lautan Warisan Persuratan Nusantara**

**Prof. Madya Dr. Hadijah Rahmat**

(dengan bantuan Hajis Salim)

### Abstrak

Khazanah persuratan Melayu tradisional adalah lautan luas yang amat besar nilainya tetapi belum diterokai dan diselami serta dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan masyarakat, negara dan manusia sejagat. Makalah ini membincangkan warisan persuratan Melayu di Amerika Syarikat, yang telah dibawa ke sana sejak awal abad ke 19 Masihi, melalui dua pelayaran sejarah yang utama Amerika di Asia Tenggara, iaitu pelayaran gerakan mubaligh Kristian dari Lembaga Suruhanjaya Misi Luar Negara Amerika atau ringkasnya A.B.C.F.M., (dari 1834-1843) dan Ekspedisi Wilkes, pelayaran sains Amerika yang pertama (1838-1842) yang telah singgah di Singapura pada tahun 1842. Beberapa hasil penelitian awal penulis di bawah Program Sarjana Pelawat Fulbright, dari November 2002 hingga Mei 2003, di Universiti California Berkeley, Houghton Library, Universiti Harvard dan di Library of Congress, Washington, akan dibentangkan. Hasil dapatan awal ini membuktikan bahawa pengkajian warisan persuratan Melayu di Amerika Syarikat ini amat penting untuk mengetahui jalinan sejarah antara Amerika Syarikat dengan Asia Tenggara, perkembangan bahasa dan percetakan awal Melayu, pergerakan mubaligh Kristian dalam sejarah persuratan, pendidikan Singapura dan Asia Tenggara umumnya.

Kata kunci: Munshi Abdullah bin Abdul Kadir, percetakan Melayu awal; ABCFM (American Board of Commisioners for Foreign Office); mubaligh Kristian; manuskrip Melayu.

### Abstract

*Traditional Malay literary heritage is valuable and aplenty but is yet to be explored and fully utilised for the beneficial development of society, the nation and mankind at large.. This article discusses the Malay literary heritage in America which was brought there in the early 19th centurry through two major American historical voyages to South East Asia; the Christian Missionary Movement from the American Board of Commissioners of Foreign Missions or A.B.C.F.M.(1834-1843) and Wilkes Expedition, (the first American scientific expedition 1838-1842) which made a stopover in Singapore in 1842. Some early research findings under the Fullbright Visitors Masters Program from November 2002 until May*

2003, from University Berkeley, California, the Houghton Library and Library of Congress, Washington as well as Harvard University will be presented. These American literary research findings are very important as it depicts the early historical ties between the United States and South East Asia, the development of the Malay language together with early Malay publications, and the involvement of Christian missionaries in the history of literature and education in Singapore and Southeast Asia in general.

*Keywords: Munshi Abdullah bin Abdul Kadir, early Malay printing, ABCFM (American Board of Commissioners for Foreign Office), Christian Missionary, Malay Manuscript.*

“dan lagi banyaklah karangannya yang kusalinkan dalam bahasa Melayu daripada ilmu2 orang Eropah dan cerita dari hal kepandaian dan usaha dan rajin orang2 Eropah dan perihal tabiat alam ini dan perihal udara dan perihal bagaimana asalnya telah mendapat ilmu kapal asap dan kereta asap dan membuat gas dan bagaimana menjalankan air dalam negeri Amerikan dan peri guna asap dan peri orang menangkap ikan paus dan lagi cerita berbagai2 ilmu dan kepandaian orang Eropah dan menunjukkan beberapa jalan, **supaya orang Melayu boleh mendapat dan membuat akan segala perkara itu ...**”

(Hikayat Abdullah, 1959: 390-391)

## PENGENALAN

Warisan persuratan Melayu adalah khazanah dan warisan sastera dan budaya intelektual yang cukup besar dan tinggi nilainya. Malangnya, jumlah dan kedudukan khazanah Melayu yang bernilai ini hingga hari ini masih belum terkumpul, tersusun dan terkaji sebaik-baiknya, sehingga kajian dan tulisan yang lengkap dan tuntas mengenai sejarah perkembangan dan genre sastera tradisional Melayu, belum dihasilkan.

## MASALAH PEMBINAAN SEMULA TRADISI SASTERA MELAYU

Pada umumnya, kajian tersebut masih bersifat penerokaan. Kecuali beberapa kajian, kebanyakan kajian ini bersifat deskriptif, hanya memberikan pengetahuan asas (*rudimentary knowledge*) mengenai warisan sastera dan persuratan Melayu. Terdapat beberapa kajian dilakukan terhadap tradisi sastera bertulis. Informasi mengenai manuskrip Melayu ini boleh didapati melalui pelbagai tesis ilmiah dan

rencana-rencana sejak Van der Tuuk (1866). Antara yang penting ialah tulisan Winstedt (1920); Voorhoeve (1964,1969); Teeuw (1967); dan Ismail Hussain (1974).

Beberapa buah katalog mengenai manuskrip Melayu juga telah dihasilkan. Sebagai contoh lihat Chambert-Loir (1980); Ismail Hussain (1971,1978 a and b); Perpustakaan Negara Malaysia (1985,1987,1989,1990a,b,1991 and 1992); Ricklefs and Voorhoeve (1963, 1977,1982); Teeuw (1967,1952a,b,1955 a,b,1963,1969b, 1973, 1975); Winstedt (1920 c,d) dan juga sebuah soal-selidik (*survey*) mengenai sastera Melayu tradisional oleh Kratz (akan terbit). Katalog tersebut hanya memberi kita sebuah gambaran umum mengenai korpus manuskrip Melayu sedangkan banyak isu dasar mengenainya masih belum terungkai. Sebenarnya kajian mengenai sastera bertulis ini, khususnya tradisi manuskrip Melayu, dibelenggu oleh beberapa masalah. Masalah-masalah berikut telah dikenalpasti: Pertama, sukar untuk menentukan tarikh dan mengenalpasti pengarang dan penyalin (*scribes*) manuskrip; Malahan, sehingga kini kita masih samar mengenai identiti dan asal tempat manuskrip yang paling awal atau tertua. Terdapat beberapa 'spekulasi' mengenai persoalan tersebut (Van Ronkel 1896; Shellabear 1898; Brakel 1979; and Al-Attas 1988). Namun, spekulasi ini hanya mencetuskan keraguan baru (Jones 1990). Kedua, kesulitan untuk menentukan lokasi, menggariskan daerah, skop dan jumlah korpus manuskrip Melayu. Jumlah sebenar manuskrip Melayu yang ada kini masih belum dapat dipastikan. Katalog-katalog yang dihasilkan hanya boleh dijadikan sebagai garispandu dan kayukur awal saja.

Terdapat jumlah anggaran yang berbeza: 5000 manuskrip dengan 800 judul (Ismail Hussein 1974: 12); 4000 manuskrip yang terdapat di merata dunia di lebih 26 negara (Chamber-Loir 1980); dan 10,000 manuskrip (Simposium 1982). Terdapat juga penemuan-penemuan baru di Pusat Islam (anggaran 1200 manuskrip); di Sri Lanka lebih kurang 100 manuscripts (Hussainmiya 1978, 1983); di Brunei (Harun Mat Piah and Ismail Hamid 1983) dan di Aceh (Gallop 1994). Ketiga, amat sedikit yang kita tahu mengenai khalayak pembaca dan minat membaca masyarakat pada abad ke-19 dan 20 untuk menentukan corak penyebaran, wilayah pengaruh dan rangkaian komunikasi korpus manuskrip Melayu. Keempat, kesukaran untuk menentukan *authenticity* dan keaslian sesebuah teks. Kesilapan, penukaran dan perubahan semasa menyalin dan menyalin semula telah dikenalpasti dan diutarakan. Kelima, ialah soal penakatan, pemuliharaan, dan kesukaran untuk mendapatkan (*accessibility*)

manuskrip. Teknik memelihara dan pengkatalogan manuskrip didapati banyak kesilapan, tidak sesuai dengan masakini (*out-dated*) dan membingungkan. Oleh itu, sistem katalog dan penggolongan yang lebih teratur, kemaskini dan standard dan sejagat perlu diusahakan supaya manuskrip ini mudah didapatkan dan dapat digunakan dengan berkesan (Ding 1987).

Permasalahan dan kelemahan dalam kaedah kajian mengenai sastera tradisional tersebut menyebabkan kajian tradisi sastera Melayu yang lengkap masih belum dihasilkan dan masih perlu diusahakan segera. Ini adalah cabaran terbesar para sarjana sastera dalam pengajian Melayu/Indonesia. Setelah melihat kedudukan persuratan tradisional secara umum dari segi kajian, marilah kita tinjau pula kedudukan warisan persuratan Melayu di Amerika Syarikat, yang merupakan lokasi warisan yang kurang dikenali berbanding dengan warisan persuratan Melayu di Britain dan Leiden, Belanda, khususnya warisan yang ada kaitan langsung dengan Singapura.

## **PENGAJIAN PERSURATAN MELAYU DI AMERIKA SYARIKAT**

Pengajian mengenai manuskrip atau persuratan Melayu di AS sejauh ini telah diusahakan oleh beberapa peneliti seperti Poleman, H (1938), (Teeuw (1967), Harun Mat Piah (1987), Asmah Amat (1990, 1993), Kohar Rony (1991), Gallop (1995, 1995), Proudfoot (2000,2001), dan Roger Tol (2001).

### **Kajian Awal – Alam Melayu sebagai sebahagian dari Dunia India Besar (Malay as part of Greater India)**

Rujukan awal mengenai manuskrip Melayu yang awal di AS telah dilakukan oleh Horace I. Poleman dalam buku yang disusunnya, *A Census of Indic Manuscripts in the United States and Canada*, terbitan the American Oriental Society, in 1938. Tinjauan mengenai manuskrip India ini dimulakan pada tahun 1933. Pihak Majlis Persatuan Cendekia Amerika (*The American Council of Learned Societies*) membiayai pengumpulan dan percetakannya, dan pihak the Library of Congress (LOC) melakukan penyelidikannya. Penyelidikan ini mencerminkan minat AS yang mendalam dalam kajian tamadun Timur dan sebelum kajian dimulakan, mereka hanya menjangkakan terdapat lebih 3000 hingga 4000 manuskrip akan di temui dalam perpustakaan awam dan peribadi, tetapi tinjauan secara luas menemui antara 7500 hingga 8000 buah, termasuk koleksi yang tidak dikatalog dan koleksi

khas, telah ditemui di 69 buah perpustakaan awam dan 38 pustakaan peribadi di Canada, 24 negeri dan Wilayah Columbia di AS.

Senarai tinjauan ini terdiri manuskrip dalam bahasa Sanskrit, Pali, Prakrit, bahasa-bahasa lama dan moden vernakular, pelbagai bahasa Dravidian dan bahasa-bahasa dari India Besar, termasuklah Burma, Ceylon, Siam and Tibet. Kebanyakan daerah, teks-teks yang dikarang sebelum 1800 A.D. dimasukkan. Oleh itu, bahasa Melayu, Batak and Bugis dianggap sebagai sebahagian dari India Besar. Sungguh pun begitu, manuskrip Melayu, Batak dan Bugis yang ditemui bukanlah yang dicari atau usahakan secara sistematik, namun yang ditemui telah diberi perhatian juga. (Poleman, 1938:xiii)

Poleman hanya menemui empat buah Malay manuscripts terdapat di LOC dan beliau telah menyiapkan senarai berikut:

- 6214. *Book of medicine, chiefly on herbs. Malayo-Arabic script.* 41 pp. 6.1 x 7.4. 13 lines. Bound in boards, half leather. Cong. Malay 2
- 6215. *Treatise on Malay Kings. Malayo-Arabic scripts.* 90 pp. 6 x 7.7. 13 lines ib. Cong. Malay 4.
- 6216. *Malay tales. Malayo-Arabic Script.* 118 p. 5.6 x 7.2. 13 lines. Ib. Cong. Malay 3.
- 5217. *Shah Mardan. Malayo-Arabic Script.* 230 pp. 5.75 x 7.6. 13 lines. Ib. Cong Malay 1.

Lebih kurang 30 tahun kemudian, barulah koleksi di LOC dibicarakan lagi, kali ini oleh Teeuw. Teeuw telah berkunjung ke situ selepas menghadiri Kongres Para Orientalis ke e XXVII di Ann Arbor, Michigan, di mana beliau telah ditunjukkan sekumpulan manuskrip/buku oleh pustakawan LOC, Encik Kohar Rony. Teeuw tertarik pada dua rak-rak buku yang mengandungi buku-buku lama yang belum dikatalog. Beliau mendapati terdapat terjemahan Bible dan buku-buku agama lain dalam koleksi tersebut, dua salinan naskhah *Sejarah Melayu*, yang disunting oleh Abdullah, senaskah edisi pertama *Kissah Pelayaran Abdullah*, cetakan Encik Alfred North pada tahun 1838, yang belum pernah beliau lihat sebelum itu.

Selain buku awal ini, Teeuw juga mendapati beberapa manuskrip Melayu yang telah dijilid dengan kemas, yang pernah menjadi milik North, yang kebanyakannya telah disalin oleh Abdullah bin AbdulKadir. Oleh kerana koleksi ini belum pernah dijelaskan sebelum ini, Teeuw berpendapat amat baik kalau kehadiran koleksi tersebut dijelaskan dalam sebuah nota awal (*preliminary note*) dan diberikan senarai awalnya (*provisional list of the manuscripts*). Teeuw berharap yang beliau akan

dapat meneliti manuskrip tersebut dan sebahagiannya boleh dicetak. Teeuw telah membuat senarai awal berikut: *“Shair Kinta Buan, Hikayat Isma Dewa Pakerma Raja, Kitab Khoja Maimun; Hikayat Amir Hamzah; Salasilah Johor; Hikayat Patani; Muhammad Hanafiah dan Hikayat Abdullah.*

Pada tahun 1978, Koleksi di LOC ini, khususnya catatan yang ditulis oleh North pada 1843 untuk *Hikayat Abdullah*, telah dimanfaatkan oleh Skinner dalam tulisannya mengenai “transitional Malay literature” untuk menjelaskan siapakah sahabat yang telah mendorong Abdullah menulis Hikayatnya. Sebelum itu, Hill (1955: 275) telah menyatakan bahawa sahabat yang mendorong Abdullah menulis autobiografinya ialah Benjamin Keasberry. Thomsen, yang menterjemahkan *Hikayat Abdullah* berdasar naskhah 1843, telah pun mengemukakan Alfred North, bukan Keasberry (Thomsen 1874: 1). Skinner menyokong pandangan Thomson dengan mengemukakan surat North yang jelas menunjukkan bahawa Northlah yang telah mendorong penulisan HA dan juga Kisah Pelayaran Abdullah (1978: 482).

Kajian seterusnya dilakukan oleh Harun Mat Piah (1987). Beliau telah membuat kajian sebagai “Asian Scholar-in-Residence” di Universiti Michigan, Amerika Syarikat sepanjang 1984 yang dibiayai oleh UKM, Malaysia. Beliau membuat tinjauan dalam rangka penyelidikan bahan-bahan Melayu-Indonesia dalam koleksi-koleksi Amerika Syarikat.

Harun Mat Piah mendapati bahawa perpustakaan Universiti Michigan. Ann Arbor dan Universiti Ohio terdapat buku-buku lama (rare books) yang merupakan naskhah-naskhah pertama, bertarikh antara akhir 1800-an dan awal 1900-an. Antaranya ialah *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*, *Kisah Pelayaran Abdullah*, *Hikayat Indra Sabha* dan lain-lain. Namun begitu, Harun lebih tertarik kepada koleksi manuskrip Melayu di LOC. Beliau menyedari tulisan Teeuw mengenai koleksi ini pada tahun 1967. Harun Mat Piah mendapati bahawa ada lapan buah manuskrip dalam koleksi LOC dan telah memberi deskripsi ringkas terhadap manuskrip-manuskrip tersebut berdasarkan maklumat yang terdapat pada naskhah-naskhah tersebut dan catatan ringkas yang diberikan oleh pemilik atau pustakawan mengenai teks-teks tersebut. Lapan buah manuskrip yang diperincikan olehnya ialah: *Syair Ken Tambuhan, Hikayat Isma Dewa, Hikayat Koja Maimon atau Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Johor atau Salasilah Raja-Raja Johor, Hikayat Patani, Hikayat Patani, Hikayat Muhammad Hanafiah dan Hikayat Abdullah.*

Menurut Harun Mat Piah, antara lapan buah naskhah tersebut, naskhah yang dianggapnya yang paling menarik ialah *Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja*. Ini

kerana ia merupakan satu-satunya hikayat ini kerana tidak terdapat dalam mana-mana koleksi lain di dunia. Beliau juga berpendapat bahawa tidak terdapat kajian dilakukan oleh para sarjana seperti Winstedt, Voorhoeve, Wilkinson dan Strurrock mengenai naskah ini sungguhpun mereka cukup berminat dan produktif dalam kajian dan dokumentasi mengenai manuskrip Melayu.

Berdasarkan catatan pada naskah ini, beliau dapati bahawa hikayat ini diperolehi oleh Abdullah Munsyi semasa perjalanannya ke Kelantan, dan ini menurutnya telah dinyatakan oleh Abdullah sendiri dalam bukunya, *Kesah Pelayaran Abdullah* (Shellabear 1907). Harun kemudian telah memberikan ringkasan cerita dan membuat rekonstruksi cerita umum mengenai *Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja* ini. Beliau berpendapat bahawa teks ini termasuk dalam genre 'hikayat' yang mengandungi unsur-unsur Hindu dan Islam, yang mempunyai sifat-sifat yang indah dan menarik.

Penelitian selanjutnya dilakukan oleh Kohar Rony (1991), Kohar Rony, pegawai perpustakaan di Bahagian Asian, LOC, sendiri telah banyak membantu kita mengenal lebih lanjut lagi mengenai nilai dan keistimewaan koleksi manuskrip dan juga buku-buku Melayu yang awal di LOC dari segi kajian sejarah masyarakat dan juga sejarah percetakan di Asia Tenggara. Menurut Kohar Rony:

*"..this collection represents a body of literature which is important for the study of the historical development of Malay language and society and also for the history of printing in insular Southeast Asia. No other library institutions, except the British library, appear to have examples of Malay manuscripts and early printed books at the Library of Congress. Indeed two copies of the Sejarah Melayu held at the Library of Congress are the only copies extant: neither the British Library nor the National Library of Malaysia have copies of them in their holdings. More importantly, they represent the first acquisition of research materials from Southesat Asia by the United States Government. It was not until 120 years later that the acquisition of research materials was resumed in earnest with the establishment of the Library of Congress National Program for the Acquisition s and Catalging in 1963."* (Kohar Rony 1991: 133-4)

Beliau juga telah memberikan maklumat lanjut mengenai diri Paderi Alfred North, tokoh penting yang bertanggungjawab terhadap usaha pengumpulan koleksi manuskrip dan buku Melayu ini. Menurut Kohar Rony, koleksi manuskrip dan buku awal di LOC hanya mendapat perhatian sejak kebelakangan ini, walaupun sudah dilaporkan oleh Horace Poleman pada tahun 1938, dalam *A Cencus of Indic Manuscripts in the United States and Canada*. Menurutny,

judul laporan tersebut ini mungkin mengelirukan pembaca bahawa laporan itu hanya menyentuh manuskrip India sahaja dan bukan manuskrip Melayu. Hanya sesudah lawatan A Teeuw di LOC pada tahun 1966, barulah koleksi ini mendapat perhatian para sarjana. Menurut Kohar, Prof Teeuw sendiri agak terkejut apabila beliau menunjukkan koleksi tersebut kepadanya. Teeuw telah menulis mengenai koleksi tersebut setahun kemudian dan penulisanannya telah menarik perhatian masyarakat lain sehingga pihak LOC mendapat pertanyaan dan tempahan untuk mendapatkan salinannya.

Kohar Rony juga telah memberikan pemerian lanjut mengenai koleksi tersebut. Oleh kerana Teeuw dan Harun Mat Piah sudah menjelaskan mengenai lapan manuskrip dalam koleksi tersebut, beliau hanya menjelaskan enam buah manuskrip lagi- *Hikayat Panca Tanderan, Kitab Tib: pengetahuan segala ubat-ubat adanya; 4 Hikayat (Hikayat Abu Sahmah, Hikayat Bulan Belah Dua, Hikayat Saerah dan Hadhri, Hikayat Derma Taksiah); Hikayat Syah Mardan, Hikayat Isma Yatim, Hikayat Isma Yatim, Kitab Adat Segala Raja-raja Melayu dalam segala negeri;* dan Satu Jilid surat-surat rasmi para pembesar Melayu kepada William Farquhar, Residen British di Singapura.

Selain manuskrip, Kohar Rony juga menjelaskan tentang buku-buku awal Melayu di LOC. Menurut beliau, buku-buku awal dalam koleksi ini, biarpun sedikit jumlahnya, namun mewakili sejumlah sastera/persuratan yang amat penting untuk kajian perkembangan sejarah bahasa Melayu dan sejarah percetakan di Gugusan Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*). Hampir semuanya dihasilkan dalam tulisan jawi dan telah dicetak dipelbagai tempat: Britain, India, Malaysia, Belanda dan Singapura. Judul yang terawal dalam koleksi ini ditulis dalam tulisan rumi dan dicetak di Oxford, England, pada tahun 1677. Tidak semua buku ini dari perpustakaan Smithsonian Deposit of 1865, tetapi telah diperolehi berasingan dalam jangkamasa yang lama. Menurut Kohar, buku-buku yang dicetak oleh the Mission Press merupakan contoh percetakan awal di rantau Asia Tenggara.

Buku-buku awal dicetak dalam koleksi ini ialah: the Bibles, buku-buku teks Melayu, karya-karya Munshi Abdullah, seperti *Hikayat Abdullah, Bahwa ini cerita kapal asal;* dua buku *Sejarah Melayu* (1840, Prakata 1<sup>st</sup> dan prakata 2<sup>nd</sup>); dan sebuah kumpulan risalah agama terbitan mubaligh Kristian di Singapura pada tahun 1830-an.

Terdapat hanya sebuah buku dalam tulisan rumi dalam koleksi di LOC ini: *Yang Ampat Evangelia derri Tuan Kita Jesu Christi; daan Berboatan derri jang*

*Apostoli Bersacti*. Bersalin dallam bassa Malayo; that is *The Four Gospels of Our Jesus Christ, and the Acts of the Holy Apostles*, translated into Malayan toungue. Oxford: Printed by H.Hall, 1677, 14, 215 p. Menurut Kohar Rony, terjemahan ini amat unik kerana ianya menjadi bukti bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan utama, lingua franca dalam dunia Melayu pada abad ke-17.

Penelitian terhadap koleksi LOC ini, terus dilakukan oleh Asmah Amat (1990, 1993). Asmah Amat telah menyiapkan sebuah katalog lengkap mengenai Manuskrip Melayu di LOC semasa beliau menjalankan latihan 'internship' di situ pada tahun 1989/90. Menurut Asmah, koleksi manuskrip Melayu sebenarnya berjumlah 14 naskhah, mengandungi 17 judul berserta 1 jilid yang mengandungi 46 pucuk surat raja dan pembesar Melayu yang berutus dengan William Farquhar. Beliau berpendapat bahawa sungguhpun koleksi di LOC ini kecil, namun ia merupakan satu koleksi penting kerana terdapat tulisan tangan (holograf) Abdullah Munyi sendiri, disamping beberapa judul menarik yang awal, dan juga kerana penemuan surat-surat raja dan pembesar yang memperlihatkan sejarah politik dan perdagangan di rantau Melayu ketika itu.

Asmah Amat juga telah memberikan sedikit latar belakang ringkas mengenai koleksi tersebut, yang menurutnya telah berhijrah dari alam Melayu ke Amerika Syarikat hasil dari pengumpulan yang dibuat oleh Wilkes Exploring Expedition (1838-1842), iaitu satu ekspedisi sains yang pertama kali dianjurkan oleh Amerika Syarikat. Ekspedisi ini diketuai oleh Charles Wilkes yang telah singgah di Singapura pada 19 Jan 1842 selama seminggu dalam perjalanan ke Kepulauan Pasifik. Wilkes telah menemui Alfred North, seorang paderi Amerika yang bertugas di Singapura, untuk mengumpulkan manuskrip Melayu dan telah memberikan wang kepada North untuk membeli beberapa manuskrip lagi dan menghantarnya ke Amerika Syarikat. Koleksi ini pada mulanya ditempatkan di Smithsonian Institution, dan kemudian dipindahkan ke LOC pada tahun 1866. Maklumat latar belakang ini amat menarik, tetapi masih terlalu kurang untuk kita mengetahui latar sejarah, politik dan sosial ketika itu yang mungkin mempengaruhi pengumpulan, penyalinan dan penulisan manuskrip Melayu ini.

Asmah Amat sebagai pegawai perpustakaan professional, telah menyiapkan sebuah katalog yang amat lengkap dan tersusun. Setiap entri atau masukan manuskrip telah diberikan nombor manuskrip, judul, nama pengarang/penyalin, tarikh dan tempat ditulis/disalin serta butiran terperinci yang meliputi aspek-aspek struktur, tulisan, jilidan, sejarah, kandungan, bibliografi dan catatan. Susunan entri adalah mengikut urutan nombor manuskrip. Sebanyak tiga jenis indeks

disediakan iaitu indeks judul, indeks nama dan indeks kronologi. Oleh itu, katalog ini merupakan bahan rujukan penting untuk mengetahui butiran asas yang objektif mengenai koleksi ini.

## SURAT-SURAT FARQUHAR DI LOC

Selain manuskrip dan buku, koleksi di LOC juga menarik kerana mengumpulkan 46 pucuk surat yang asal, daripada raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu dari Empayar Johor-Riau, Palembang, Siak, Pahang, Kampar, Kemboja, Naning, Brunei, Kelantan dan Pamanah, yang kebanyakannya di alamatkan kepada Farquhar, dan terdapat juga sepucuk surat yang ditulis oleh Farquhar sendiri. Surat-surat ini, yang bertarikh dari 26 Sept 1818 hingga 28 Jun 1844, telah disenarikan oleh Rony (1991) dan dikatalogkan oleh Asma Amat (1993), dipercayai diperolehi oleh 'Wilkes Exploring Expedition', yang tiba di Singapura pada 1842. Koleksi ini melengkapkan lagi koleksi surat-surat Melayu Farquhar yang terdapat di British Library (Add.12398), yang diperolehi oleh John Crawford, yang menggantikan Farquhar sebagai Residen British di Singapura.

Menurut Gallop, yang mengkaji warisan warkah Melayu, "*menerusi koleksi surat ini, kita mempunyai peluang yang unik untuk mengkaji surat-menyurat dari dua sudut. Pengkaji boleh membaca surat kiriman Farquhar dan juga surat jawapan yang diterimanya. Bahasa yang digunakan dalam surat jawapan seringkali tepat mencerminkan penggunaan dalam surat asal. Kita juga boleh mengagak jarak masa antara kedua-dua surat tersebut. Dari sudut sejarah politik, surat-surat ini boleh memberi satu pandangan yang baik sekali mengenai proses diplomasi, perdagangan dan cara menyelesaikan pertikaian pada awal abad ke-19.*" (Gallop, 1994:160).

Sebanyak 120 pucuk surat Farquhar dalam simpanan British Library telah pun ditransliterasikan daripada jawi ke rumi oleh Badriyah Hj.Salleh dan dibukukan berjudul *Warkah Al-Ikhlās, 1818-1821*, oleh DBP, 1999. Namun, masih belum nampak sebarang usaha untuk melakukan hal yang sama pada surat-surat asal Farquhar yang tersimpan di LOC. Sedangkan usaha seperti ini amat penting dari segi kajian mengenai sejarah Singapura. Surat-surat Farquhar, dalam koleksi LOC dan British Library, perlu dikaji dari pelbagai sudut dan disiplin ilmu.

Selain warisan persuratan di LOC, warisan di Houghton Library, Universiti Harvard juga belum diteroka juga. Ketika kami di sana, kami diberitahu bahawa

kami adalah 'yang ketiga' merujuk koleksi Melayu di situ, selepas beliau sebagai pegawai yang menguruskannya, dan Proudfoot. Proudfoot memberi maklumat yang amat bernilai dan juga suatu wawasan baru mengenai warisan persuratan Melayu di AS, melalui tulisan beliau yang menjelaskan koleksi Melayu di Houghton Library ini.

The Houghton Library, Universiti Harvard, merupakan pusat repository arkib Lembaga Suruhanjaya Misi Luar Negara Amerika (the American Board of Commissioners for Foreign Missions (ABCFM)). ABCFM membuka sebuah pejabat misinya di Singapura dari 1836-1843, dan Alfred North adalah seorang pegawai ABCFM. Menurut Proudfoot, usahasama antara Alfred North dan Abdullah bin Abdul Kadir "*would lead to some groundbreaking events in Malay intellectual history: the printing of Sejarah Melayu, the writing and printing of Abdullah's journal of his travels up to the East Coast to Kelantan, Pelayaran Abdullah, and the writing of Abdullah's autobiography, which would be published later by another missionary, Benjamin Keasberry.*" (Proudfoot 2000: 1).

Menurut Proudfoot, arkib ABCFM belum lagi diteroka oleh para ahli sejarah untuk mengetahui sejarah Singapura dan Malaysia pada awal abad ke-19. Selain arkib untuk para persatuan mubaligh, the Houghton Library mempunyai sebuah koleksi kecil manuskrip Melayu dan Bugis dan edisi pertama Sejarah Melayu dan beberapa buku nadir Melayu. Terdapat juga nota-nota tulisan tangan Alfred North yang memberi maklumat bagaimana buku-buku itu ditulis. Oleh itu, nota-nota Alfred North ini menjelaskan bagaimana corak hubungan kerja antara North dan Abdullah. Proudfoot menghabiskan masa di Houghton library pada Jun 1999 dan beliau telah menyiapkan sebuah penelitian ringkas mengenai koleksi ini.

Beliau mendapati bahawa koleksi di Houghton Library ini berkaitan rapat dengan koleksi di LOC, kerana kedua-duanya datang dari pejabat ABCFM di Singapura. Proudfoot menerangkan bahawa bahan-bahan di kedua perpustakaan ini telah dikumpulkan oleh mubaligh Alfred North antara 1836 hingga 1842 atau 1843, dan dibawa ke AS dalam dua tahap. Perpindahan pertama dilakukan oleh Ekspedisi Sains yang pertama AS yang diketuai oleh Charles Wilkes, bila mereka singgah di Singapura pada Januari dan Februari 1842. North telah membantu mereka mengumpulkan contoh-contoh manuskrip Melayu dan Bugis untuk dibawa pulang ke Washington, yang kemudian diambil alih oleh Smithsonian Institution, dan pada tahun 1865 diserahkan kepada LOC.

Perpindahan kedua berlaku apabila pejabat mubaligh ini ditutup pada 1843. Perpustakaan pejabat ABCFM, yang mengandungi buku-buku dan manuskrip

dalam bahasa Asia Tenggara (Melayu, Bugis dan Iban) telah dipindahkan dengan kapal ke perpustakaan Pusat pentadbiran (headquarters) ABCFM di Boston yang menerimanya pada 1844. Pada tahun 1942, bahan-bahan ini diserahkan kepada Universiti Harvard, sementara percetakan Bibles dan Gospels diserahkan kepada Andover Newton Seminary yang berdekatan. Proudfoot berpendapat bahawa koleksi LOC dan the Houghton Library, berasal dari satu sumber koleksi yang sama. Kedua-duanya mempunyai buku-buku yang sama, dan hanya satu judul manuskrip yang disalin dua, sebuah bagi setiap satu perpustakaan. Manuskrip ini ialah *Hikayat Abdullah*, yang telah ditempah khas oleh Wilkes semasa berada di Singapura dan kemudian telah dikirimkan secara berasingan ke Washington kemudian pada tahun 1843. Proudfoot mendapati bahawa manuskrip di LOC mempunyai subjek yang lebih luas, berbanding dengan koleksi di Houghton yang lebih tertumpu pada topik-topik keagamaan, yang menurut beliau memang sesuai kerana koleksi Houghton mengandungi manuskrip dari simpanan perpustakaan para mubaligh. Proudfoot menyediakan senarai manuskrip dan buku-buku yang terdapat di Houghton Library.

Menurut Proudfoot, manuskrip yang paling penting dalam koleksi Houghton ialah salinan *Hikayat Abdullah*, kerana dua salinan naskhah di LOC dan the Houghton Library adalah dua teks autobiografi Abdullah dalam, bentuk yang asal, sebelum ia dicetak. Naskhah di Houghton Library kelihatannya telah disimpan dalam perpustakaan mubaligh, dan mungkin merupakan naskhah peribadi North. Berbanding dengan manuskrip-manuskrip lain dan kebanyakan buku tersebut, naskhah ini secara khusus dikatakan sebagai diserahkan oleh Encik North, pada 1845 ("Presented by Mr A North, 1845". Proudfoot berpendapat bahawa naskhah ini boleh membantu kita mengetahui teks manuskrip yang asal.

Proudfoot juga telah membuat transkripsi dan menyertakan tulisan Alfred North kepada kita. Tulisan ini lebih panjang dibandingkan nota North yang terdapat pada manuskrip *Hikayat Abdullah* di LOC, yang diterbitkan oleh Skinner (1978, 480-481). Selain itu, beliau juga menyertakan tulisan tangan Alfred North yang terdapat pada buku Abdullah, *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838). Kedua-dua tulisan tersebut menjelaskan bagaimana Alfred North telah memainkan peranan penting kepada penulisan karya Abdullah yang utama, *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*.

Proudfoot juga memberikan maklumat penting dan pemerhatian beliau yang menarik terhadap Alfred North dan usahasama beliau dengan dua orang penyalin manuskripnya (scribes), Abdullah dan Hussein berdasarkan Jurnal Alfred

North sendiri dan tulisan Abdullah dan nota Hussein yang terdapat dalam koleksi tersebut.

## **KAJIAN PROGRAM FULBRIGHT**

Saya dengan bantuan suami, Hajis Salim, telah membuat kajian di Amerika Syarikat dari 17 November 2002 hingga 12 Mei 2003 di bawah Program Sarjana Pelawat Fulbright. Tahap awal kajian kami berpangkalan di Universiti California, Berkeley. Selama tiga bulan di Berkeley, kami telah membuat kajian secara mendalam mengenai ABCFM, Ekspedisi Wilkes (1838-1842) dan juga sejarah Pengajian Asia Tenggara di AS. Penelitian ini membantu kami memahami latar belakang sejarah dan pemikiran di sebalik Ekspedisi Wilkes dan pergerakan ABCFM secara umum dan juga kegiatan pejabatnya di Singapura, yang merupakan landasan kepada warisan persuratan Melayu di AS.

## **Pelayaran Gerakan Mubaligh Protestan di Amerika Syarikat**

Lembaga Suruhanjaya Misi Luar Negara Amerika (The American Board of Commissioners for Foreign Missions), ringkasnya A.B.C.F.M., telah dibentuk pada tahun 1810. Ia bermula apabila empat pemuda daripada Andover Theological Seminary menyerahkan sebuah rayuan atau peringatan (memorial) kepada the General Association of Congregational churches of Massachusetts, menyatakan tujuan mereka untuk berkhidmat demi menyebarkan agama Kristian dan meminta penilaian Persatuan sama ada mereka boleh mendapatkan bantuan daripada masyarakat Kristian di Eropah. Persatuan ini menerima rayuan tersebut dengan menubuhkan Lembaga Suruhanjaya Misi Luar Negara ini, yang mempunyai matlamat untuk menyebarkan agama di luar negara Amerika seperti berikut:

*“for the purpose of devising ways and means, and adopting and prosecuting measures, for promoting the spread of the gospel in Heathen lands”. Pembentukan Lembaga ini “marked the entrance of the Protestantism of the United States in any large way into participation in the Christianity outside of the confines of the country” (Mary Walker, 1952: 52)*

Dua tahun kemudian, pada 19 Feb 1812, kapal *The Caravan*, belayar meninggalkan Pelabuhan Salem menuju ke Calcutta, membawa dua orang anak muda yang telah membuat rayuan kepada Lembaga Suruhanjaya ini. Mulai saat

tersebut, seramai 4,500 orang mubaligh dan lebih kurang 1000 pekerja telah dilantik secara tetap oleh Lembaga ini untuk melaksanakan misi agama ini. Oleh itu, ABCFM menjadi Kumpulan Mubaligh Protestan yang terbesar di Amerika, dan pada tahap-tahap tertentu pada abad ke-19 ianya mempunyai misi agama di lebih dua puluh negeri di merata dunia.

Golongan pendakwah Kristian ini telah dipengaruhi oleh suatu semangat kebangkitan yang dikenali sebagai *the Second Great Awakening*, dan mereka telah mengikuti kerja-kerja yang dilakukan oleh para mubaligh perintis Inggeris dalam bidang ini. Mereka tidak puas hati dengan usaha yang dilakukan oleh para mubaligh dalam negeri mereka, lantas membuat persiapan yang dianggap perlu sejak dua dekad sebelum ini.

### **Strategi dan Saluran Gerakan Mubaligh**

Untuk mencapai cita-cita, visi dan harapan agama mereka, beberapa aktiviti telah dirancang dan diatur. Pada umumnya kaedah mengajar (*preaching*), mendidik (*schooling*) dan percetakan (*printing*) digunakan. Para mubaligh membina gereja, sekolah dan pejabat percetakan sebagai saluran asas atau prasarana untuk usaha menyebarkan agama mereka. Satu lagi usaha yang dilakukan oleh golongan mubaligh ini ialah penubuhan pejabat-pejabat percetakan. Dari tahun 1817-1900, ABCFM telah menubuhkan banyak pejabat percetakan di pelbagai bandar di merata Afrika, Timur Tengah, Timur Jauh, Asia dan Amerika. Pejabat-pejabat ini terletak di negeri-negeri: Africa Selatan (1837-CA.1868), Africa Barat (1837-1865), Malta (1822-1833), Smyrna, Asia Minor (1833-53), Beirut (1835-1870), Bombay (1817-1859), Madras (1838-1866) Manepy, Ceylon (1834-1855), China Selatan (1832-1856), Singapura (1834-1843), Bangkok, Thailand (1836-1849), Peking (1870-1900), Hawaii (1822-1858), Cherokee Country (1828-1860) dan Micronesia (1856- CA.1878).

### **KEGIATAN ABCFM DI SINGAPURA (1834-1843)**

Lembaga Amerika ini menubuhkan pejabat percetakannya pada bulan Mei 1834, bila ianya membeli pejabat dan dua alat cetak tangan (*hand presses*) dari mubaligh LMS dengan harga \$1,500, iaitu C.H.Thomsen yang telah menggunakannya untuk kegiatan percetakan LMS. Agama Kristian telah wujud di Singapura sejak Syarikat India Timur Inggeris membuka loginya seawal tahun 1819. Bila Kompeni Inggeris

membuka petempatan di sini, maka ramailah para pentadbir, pedagang, peladang dan lain-lain lagi dari negeri yang mempunyai tradisi agama Kristian yang kuat. Golongan pendatang pertama ialah para pedagang Barat, diikuti dengan kaum Baba atau Cina Peranakan dari Melaka, yang kebanyakannya beragama Roman Katholiks. Golongan mubaligh merupakan golongan ketiga dan ini diikuti oleh para imigran Kristian dari India dan China. Para mubaligh ini tiba dalam dua tahap: tahap pertama ialah era sebelum 1840 dan tahap kedua ialah pada tahun 1880-an, yang kebanyakannya terdiri dari mubaligh Presbyterian dan Methodist.

Apabila mubaligh ABCFM tiba di Singapura pada tahun 1834, mereka telah menjalin hubungan yang baik dan telah bekerjasama dengan para mubaligh dari LMS. Mubaligh ABCFM yang pertama, Rev. Ira Tracey, tiba di Singapura pada 24 Julai 1834. Ini diikuti oleh Rev. Dickenson, Rev. Hope, Rev. Travelli, Rev. Charleston, Rev. Wood, Rev. Dr Parker dan Alfred North.

Para mubaligh ABCFM ini aktif merancang dan mengadakan beberapa aktiviti untuk mencapai misi mereka di Singapura dan Penang. Sehingga tahun 1837, 19 orang mubaligh bertugas di Singapura, Melaka and Penang, dan sekolah-sekolah mereka menampung sehingga 300 orang pelajar. Rev. J.T. Dickenson telah memulakan Sekolah Mission Amerika untuk kanak-kanak Cina dan kanak-kanak Melayu di sebuah tempat yang dikenali sebagai Ryan's Hill, atau di tapak Central Police Station menghadap Tanjong Pagar. Kemudian namanya bertukar menjadi Dickenson's Hill, Bukit Padre atau Bukit Passoh (Buckely 1969:346).

Satu lagi kegiatan ABCFM ialah dalam percetakan. Lembaga ini telah mengambilalih the Singapore press daripada LMS, kerana mereka merancang untuk menubuhkan sebuah pusat percetakan di Singapura untuk kegiatan seluruh rantau. Oleh itu, mereka telah menghantar seorang jurucetak, Alfred North untuk menguruskan pejabat di Singapura. Kerja-kerja percetakan awal di pejabat Singapura telah diuruskan oleh J.T. Jones, seorang pencetak mubaligh (Baptist mission) yang tinggal di Singapura pada 1835. Cetakan ini dalam tulisan Bugis, Malay dan bahasa-bahasa Thai. Pejabat ini pada tempoh 1834-37 juga mencetak buku Bahasa Inggeris, Risalah-risalah mengenai Indian Archipelago karya J.H. Moor.

Pada Disember 1835, akibat larangan pemerintah China terhadap percetakan Kristian, pejabat percetakan ABCFM di Canton, China, dipindahkan ke Macao (untuk Anglo-Chinese Press) dan Singapura (untuk Chinese zylographic press atau *the block printing*). Pada tahun tersebut, 2 juta halaman telah dicetak, tetapi dari jumlah ini 1.9 juta halaman dalam bahasa Cina. Pada tahun 1836/7

percetakan dalam bahasa Cina di Singapura telah menggajikan seramai 11 *blockcutters*, seorang *copyist*, dan 8 atau 10 pencetak; tetapi ini berasingan dengan percetakan *typographic*. Percetakan mubaligh Amerika menjadi percetakan terbesar di Singapura kerana usaha yang dilakukan oleh pencetak mubalighnya, Alfred North.

### ALFRED NORTH (1807-1869)

Alfred North dilahirkan pada bulan March 1807 di Exeter, New Hampshire. Beliau bersekolah di West Windsor, Vermont, dan di Boonville, New York kerana keluarganya telah berpindah ke dua negeri sebelum beliau berusia dua belas tahun. Pada tahun 1823, beliau menuntut di sebuah sekolah agama (*denominational school*) di Utica, New York, di mana beliau diasuh dalam pendidikan agama, termasuk musik bercorak keagamaan. Selain itu, beliau mempelajari musik dan dilatih dalam bidang percetakan oleh Thomas Hastings, seorang pengubah lagu dan penerbit majalah *the Western Recorder*.

Pada tahun 1832, Alfred North pindah ke New York City dan bekerja sebagai seorang pencetak. Di sana, beliau sering menghadiri acara-acara agama Protestant yang mula bangkit, malah dalam majlis inilah beliau bertemu bakal isterinya, Minerva Bryan, yang juga mempunyai visi yang sama untuk menyebarkan agama Kristian di seluruh dunia. Mereka berumahtangga pada tahun 1833. Pada tahun 1835, kedua-dua pasangan suami isteri ini dilantik sebagai penolong mubaligh. Beliau dan isterinya, tiba di Singapura pada 6/7? Feb 1836, dengan menaiki kapal *the Sachem*, yang membawa bahan atau peralatan untuk percetakan (*typesetting* dan *stereotyping*). Di Singapura beliau belajar bahasa Melayu dengan Munsyi Abdullah. North melakukan tugas sebagai bendahari di pejabat ABCFM, sebagai guru dan juga pencetak (*the typefoundry*). Beliau mencetak *the Gospel of John* dan dua risalah dalam bahasa Melayu (1838) dan buku-buku mubaligh luar yang lain yang dicetak oleh ABCFM dan dikirimkan ke Singapura.

Abdullah juga telah membuat pemerian yang menarik mengenai Alfred North, yang juga telah mempelajari bahasa Melayu dengannya. Abdullah begitu mengagumi North dan menghargai ilmu pengetahuan Barat yang diperkenalkan oleh North kepadanya. (1953: 390-1).

## Menterjemah dan Mencetak Buku Teks Sekolah

Semasa bekerja dengan Alfred North, Abdullah telah menterjemahkan dan mengusahakan penghasilan buku-buku teks sekolah dalam bahasa Melayu. Di antara buku-buku teks tersebut ialah: *Hikayat Dunia iaitu Geography* (1843), *Ilmu Bintang* (1840), *Hikayat Eropah* (1843); *Hikayat Kapal Asap* (1843), *Hikayat Binatang iaitu Natural History* (1846) dan *Pilgrim's Progress*.

## Hubungan Alfred North dengan Karya-karya Abdullah

Dua buah karya Abdullah yang penting ialah *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1849), yang dianggap sebagai karya-karya penting yang mengubah corak sastera Melayu. Dalam mukadimah Hikayatnya, Abdullah telah menyatakan bahawa autobiografinya itu ditulis atas dorongan seorang putih, sahabat yang dikasihinya:

*"Bahwa, maka adalah kepada tatkala hijrat sanat 1256 tahun ....bulan Oktober Masihi sanat 1840 tahun, bahawa dewasa itulah adalah sahabatku,yaitu orang putih yang kukasihi akan dia, maka ialah meminta sangat kepadaku, yaitu hendak mengetahui akan asal usulku dan hikayat segala kehidupanku, maka ia meminta karangkan suatu kitab dalam bahasa Melayu."*

(Datoek Besar dan Roolvink, 1953: 1)

Skinner (1978) dan Traill (1981) berpendapat bahawa 'sahabat orang putih yang dikasihi' Abdullah itu adalah Alfred North, yang telah menyertakan sebuah dokumen yang ditulis di Singapura pada tahun 1843, dalam sebuah salinan Hikayat tersebut yang kini tersimpan di Library of Congress, Washington DC. Dokumen ini memberi kita penjelasan tentang bagaimana Abdullah telah didorong oleh Alfred North untuk menulis autobiografi (*Hikayat Abdullah*) dan juga kisah pelayarannya (*travelogue*). Alfred North dalam catatannya telah menjelaskan bahawa beliau telah memberi semacam panduan kepada Abdullah untuk menulis autobiografi dan *travelog*nya itu.

ABCFM melalui North telah menerbitkan beberapa buah buku sastera Melayu yang menarik. North dengan kerjasama Abdullah juga mengusahakan percetakan buku *Sejarah Melayu* pada tahun 1841 di Singapura. Penerbit buku ini ialah Thomas MacMicking of Syme and Co for Singapore Institution dan pencetaknya ialah Alfred North, majikan dan sahabat Abdullah sendiri. North telah menulis 'Pengenalan' untuk buku *Sejarah Melayu* yang diterbitkan.

Walaupun bagaimanapun, North menyarankan kepada ABCFM agar kegiatan percetakan tidak diluaskan lagi, kerana masalah kekurangan teks untuk dicetak, dan juga kerana jumlah pembaca dalam bahasa-bahasa tempatan tidak mencukupi. Pada tahun 1842, North menghentikan kegiatan-kegiatan di pejabatnya, termasuk percetakan dalam bahasa Cina, dan menjual hartanah tersebut. Tahun berikutnya, pada 20 November 1843, beliau berangkat ke Madura untuk misi di India, dengan menaiki kapal Shah Alam untuk memulakan tugas sebagai guru dan bukan sebagai pencetak. Percetakan ABCFM di Singapura diambilalih semula oleh LMS. Pada tahun 1847, dua tahun sesudah isterinya meninggal dunia akibat sakit kolera, beliau diarahkan pulang oleh Suruhanjaya Misi Luar Negeri. Sungguhpun beliau diminta untuk bertugas di India, North mengambil keputusan untuk pulang ke tanahair dan memasuki Auburn Theological Seminary dan kemudian diiktiraf sebagai 'Presbyterian ministry'. Beliau meninggal dunia pada 3 Mac, 1869, di Chilton Wisconsin.

### **Penutupan ABCFM & LMS di Singapura dan Tumpuan ke China**

Perang Candu (*The Opium War*) berakhir pada tahun 1842 dengan penyerahan kalah pemerintah Mancu kepada British. Perjanjian Nanking yang dimaterai pada 28 Ogos 1842 mendesak China untuk memberi lebih kuasa pada British. Hong Kong telah diserahkan kepada British, dan lima pelabuhan Cina-Canton, Amoy, Foochow, Ningpo dan Shanghai – telah dibuka kepada orang luar untuk berniaga dan menetap. Perang ini meninggalkan kesan ke atas gerakan mubaligh Kristian di Singapura dan negeri Asia Tenggara yang lain. Sejak dulu lagi China memang menjadi matlamat asal mereka dan Perjanjian Nanking, telah membolehkan mereka mengalih para mubaligh mereka ke lima pelabuhan tersebut.

Sehingga tahun 1846, boleh dikatakan hampir semua mubaligh luar yang bertugas di Singapura telah diarahkan pula untuk pergi ke China. Hanya sepasangan suami isteri yang mengambil keputusan untuk tidak meninggalkan Singapura kerana mereka yakin yang mereka mempunyai tanggungjawab agama di sini. Pasangan tersebut ialah Benjamin Keasberry dan isterinya, Charlotte.

### **BENJAMIN P. KEASBERRY (1811-1875)**

Benjamin Peach Keasberry dilahirkan dalam sebuah keluarga British di Hyderabad, India, pada tahun 1811. Bapanya adalah seorang Kolonel dalam Tentera India dan

telah dilantik oleh Raffles pada tahun 1814 sebagai Residen Inggeris di Tegal, Jawa, dan meninggal dunia di sana. Benjamin Keasberry mendapat pendidikan awal di Madras dan datang ke Singapura untuk berniaga. Perniagaannya gagal dan beliau pergi ke Batavia. Di sana, William Medhurst, mubaligh LMS yang terkenal, telah mengajarnya ilmu percetakan dan penjilidan buku (*book binding*). Medhurst juga telah mendorong dan mengajarnya untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan orang tempatan dalam bahasa Melayu.

Keasberry telah ke Amerika Syarikat untuk mendalami pengajian agama. Di Amerika, beliau bertemu dan kemudian berkahwin dengan Charlotte Parker. Selesai pengajiannya, Keasberry mengambil keputusan untuk kembali ke Timur. Beliau dan isteri berharap akan berkhidmat di China, seperti kebanyakan mubaligh lain. Namun begitu, bila beliau tiba di Singapura, Keasberry mendapati usaha menyebarkan agama Kristian di kalangan orang Melayu telah terpinggir dan tidak diberi perhatian sejak zaman Thomsen. Pengalaman awalnya di Batavia semasa bergaul dengan para penutur Melayu mendorongnya secara semulajadi untuk melakukan tugas ini. Oleh itu, beliau dan isterinya telah menyertai LMS pada tahun 1839, dan diberi tugas khas untuk berdakwah di kalangan orang Melayu.

Keasberry mengambil Munsyi Abdullah sebagai guru bahasanya dan pada masa yang sama memulakan perkhidmatannya (*Malay Services*) di Gereja LMS di Bras Basah Road. Apabila tugasnya mula bertambah, Keasberry rasakan perlu untuk mendapatkan tempat pertemuan yang lebih besar. Pada tahun 1843, beliau mendapatkan sebidang tanah di Prinsep Street, yang ketika itu dikenali sebagai Kampong Bencoolen, dan dengan bantuan sumbangan dana orang ramai (*public subscriptions*), telah mendirikan sebuah Gereja Melayu (*Malay Chapel*). Dalam majlis pelancarannya, seramai lebih 60 orang Melayu dan lain-lain bangsa menghadirinya. Kemudian, gereja ini juga dikenali sebagai 'Gereja Keasberry' (*Keasberry's Church*) kerana penglibatannya yang aktif di gereja ini. Kini gereja ini dikenali sebagai Prinsep Street Presbyterian Church.

Bila LMS mengambil keputusan untuk menutup semua kegiatannya di Singapura dan Malaya, Keasberry dan isterinya telah meletakkan jawatannya dari LMS supaya mereka dapat meneruskan tugas mereka di sini sebagai mubaligh bebas. The LMS telah bermurah hati untuk menyerahkan alat cetak mereka kepada Keasberry. Beliau dapat menampung kehidupan dan usaha mubalighnya hasil pendapatan dari kerja percetakan untuk firma-firma komersial dan bantuan pemerintah.

Keasberry telah menubuhkan sekolah untuk kanak-kanak lelaki Melayu di sebuah rumah kedai di Rochore Road. Kedudukan sekolah ini dianggap tidak sesuai kerana berhampiran dengan rumah para pelajar ini dan kanak-kanak ini dikatakan sering ponteng sekolah. Oleh itu, Keasberry mengambil keputusan untuk memindahkan sekolahnya di luar kawasan bandar. Beliau membeli sebidang tanah bukit di River Valley Road dan menamakannya sebagai Mount Zion. Di sana, beliau mendirikan bangunan dua tingkat untuk dijadikan sekolah berasrama untuk kanak-kanak lelaki Melayu. Para ibubapa yang mahu mendaftarkan anak-anak mereka dikehendaki menandatangani suatu perjanjian bahawa anak-anak mereka akan tinggal di sekolah tersebut untuk jangkamasa antara setahun hingga empat tahun. Sekolah Keasberry mendapat sambutan orang Melayu. Jumlah kemasukan mencapai 60 orang, malah para pemimpin Melayu juga telah menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sana. Antaranya ialah anak-anak Temenggung Ibrahim, Johor, yang salah seorangnya, Abu Bakar, menjadi Sultan Johor. Sultan Kedah juga telah menghantar anak-anaknya ke sana. Pada tahun 1870, Gobenor Singapura, Sir Harry Ord, telah mengunjungi sekolah ini dan beliau amat mengaguminya sehingga beliau memberi kebenaran agar geran tahunan sebanyak \$2,500 diberikan untuk menampung operasi sekolah tersebut. Dua tahun kemudian, Inspektor Sekolah yang baru dilantik, A.M.Skinner, menyarankan agar sekolah ini dijadikan Maktab Latihan Guru-guru Melayu. (Sng 1980: 51)

Selain mendirikan sekolah, Keasberry juga aktif dalam kegiatan percetakan. Beliau telah menulis dan menerbitkan banyak buku dalam bahasa Melayu dengan bantuan Munsyi Abdullah. Pada tahun 1853, beliau menerbitkan *New Testament* dalam bahasa Melayu dan tulisan rumi, dan ini diikuti dengan tulisan jawi tiga tahun kemudian. Beliau menyusun *Malay Hymnal* yang dianggap sebagai lagu-lagu ibadah yang standard (the standard hymnal) untuk orang Kristian yang bertutur dalam bahasa Melayu selama beberapa dekad. Buku-buku dalam bahasa Melayu lainnya: *the Life of Jesus*, *Life of Moses*, *Pilgrim's Progress*, *Selected Psalms* dan risalah-risalah agama Kristian

Sumbangan Keasberry dalam dunia percetakan Melayu agak signifikan, dan ini dikenalpasti oleh beberapa orang peneliti seperti Proudfoot (1985,1993), Gallop (1990), dan Hashimah (1988). Salah satu buku yang dicetaknya ialah *Hikayat Kalilah dan Daminah*. Kulit muka *Hikayat Kalilah dan Daminah* yang diusahakannya pada tahun 1830-an, telah dihias dengan corak berbunga merah. Ini dianggap sebagai penggunaan warna yang terawal untuk buku-buku di

Asia Tenggara. Kecanggihannya juga terbukti dengan bentuk percetakan *Kisah Pelayarannya* pada tahun 1838 yang telah dilakukan dalam edisi Jawi dan Rumi serentak.

Keistimewaan mutu buku-buku yang diusahakannya jelas dalam penerbitan cetak batu (litograf) *Hikayat Abdullah* sendiri yang diterbitkan oleh Keasberry's Mission Press pada tahun 1849. Mutu percetakan hikayatnya ini dianggap sebagai edisi mewah dan hebat (*deluxe edition*) pada ketika itu. Sebuah lagi percetakan yang diusahakan oleh Abdullah, malangnya hanya muncul selepas kematiannya ialah *Majalah Cermin Mata* (1858-9) telah diterbitkan oleh Keasberry. Majalah ini diterbitkan dalam bentuk yang menarik dan dianggap sebagai percetakan yang paling cantik dalam bahasa Melayu ketika itu.

Keasberry percaya yang tugas dan tanggungjawab agamanya ialah untuk mengkristiankan orang Melayu. Sungguhpun beliau telah berusaha dengan penuh berdedikasi, beliau dikatakan tidak berjaya membina sebuah gereja Melayu yang kukuh. Ini mungkin merupakan salah satu kekecewaan yang terbesar dalam hidupnya. Pada 6 Sept 1875, semasa sedang berucap di Prinsep Street Chapel, Keasberry rebah dan meninggal dunia. Kematian Kessberry telah menjejaskan kegiatan mubaligh di kalangan masyarakat Melayu. Usaha beliau hanya diteruskan oleh W.G.Shellabear, yang menjadi perintis dalam gerakan mubaligh Methodist untuk menarik orang Melayu ke dalam agama mereka di Singapura pada tahun 1890.

## **W.G.SHELLABEAR (1890-1920)**

William Shellabear lahir pada 27 Ogos 1867, di Longlands house, Holkham Hall, England. Beliau pertama kali datang ke Singapura pada tahun 7 Jan 1887 sebagai pegawai tentera dalam the Royal Engineers. Beliau ditugaskan untuk mengendalikan bahagian tentera Melayu (*Malay company*). Beliau seorang yang kuat pegangan agama Kristiannya, dan beliau dapati hampir tiada usaha mubaligh Kristian untuk menarik orang Melayu. Beliau bertemu dengan Bishop Thoburn yang mengunjungi Singapura dari India. Bishop Thoburn telah mengasaskan misi Methodist di Singapura pada tahun 1885. Bishop Thoburn telah menggalakkan Shellabear untuk menjalankan usaha menyebarkan agama di kalangan orang Melayu dan mencabar beliau supaya memikirkan secara serius tugas ini. Shellabear meletakkan jawatan dalam tentera dan kembali ke England pada penghujung tahun 1889 untuk menyiapkan dirinya sebagai seorang mubaligh. Beliau berumahtangga dengan Fanny Kealy yang beberapa tahun dulu telah mempengaruhi beliau

untuk menganuti agama Kristian. Pada akhir Oktober 1890, Shellabear bersama isterinya tiba di Singapura untuk memulakan tugas sebagai mubaligh Kristian untuk menarik orang Melayu.

Shellabear menyedari bahawa penguasaan bahasa Melayunya masih belum cukup untuk menjalankan tugas ini. Beliau mempelajari bahasa Melayu dengan Encik Ismail, seorang penterjemah di mahkamah (court interpreter), yang merupakan bekas pelajar Keassbery. Pada tahun 1892, beliau memulakan pengajaran dalam bahasa Melayu di sebuah rumah kedai yang disewa di Arab Street. Beliau mendapat empat orang Melayu dewasa dan tiga kanak-kanak untuk mengikuti pertemuannya secara tetap. Salah seorang daripadanya, seorang bernama Haji, telah membantunya semasa menyampaikan pengajarannya (*the preaching*). Shellabear telah dibantu oleh Pang Yan Whatt yang berasal dari Borneo. Pan Yan Whatt mengetahui bahasa Melayu dan huruf jawi/Arab dan beliau datang ke Singapura untuk bekerja sebagai penyusun huruf Melayu (Malay compositor) untuk Percetakan Methodist.

Sungguhpun begitu, Shellabear dapati sukar untuk meneruskan tugas menarik orang Melayu. Pada tahun 1895, beliau melaporkan bahawa orang-orang Melayu yang dia dan Pang Yan Whatt hubungi dan cuba pengaruhi selama selama ini, telah kembali semula ke agama mereka ("they have now all gone back"). Shellabear dan para pekerja Christian seterusnya gagal menembusi sikap umum orang Melayu yang tidak ambil peduli atau berminat terhadap agama Kristian.

Namun begitu, Shellabear amat berjaya dalam kegiatan penerbitan. Beliau telah menubuhkan Mission Press di sebuah rumah kedai yang terletak di simpang Seligie Road and Sophia Road. Pada mulanya ia bertujuan untuk menerbitkan buku-buku agama Kristian, tetapi syarikat ini telah berkembang ke percetakan buku bidang lain. Syarikat ini menerbitkan risalah-risalah dan bahagian-bahagian kitab Injil. Ia juga mencetak secara komersial untuk menampung kewangannya. Percetakan Mubaligh ini (Mission Press) tumbuh dengan pesat sehingga menggaji 100 orang pekerja, dan menerbitkan buku-buku dalam 12 bahasa. Pada tahun 1908, ia berpindah ke bangunan baru tiga tingkat di simpang Armenian Street dan Stamford Road yang dinamakan the Methodist Publishing House (MPH). Pada tahun 1928, kejayaan MPH menjadi sesuatu yang hampir memalukan misi ini kerana "*The commercial importance of the MPH now completely overshadows its function as a mission agency. 90% of the printing done is commercial.*" (*The Malaysia Message*, March 1928, hlm.4. dalam Sng 1980:120). Shellabear juga menerbitkan jurnal bulanan Methodist, *The Malaysia Message*, bermula pada Oct

1891, yang mengandungi rencana mengenai kegiatan Methodist dan usaha gereja-gereja Presbyterian dan the Chinese Girls' Schools. Beliau menjadi editor majalah ini selama 9 tahun. Pada tahun 1953, jurnal ini diberi nama baru *Methodist Message*.

Warisan percetakan awal yang diusahakan oleh para mubaligh Kristian seperti North, Keassberry dan Shellabear, melalui Mission Press, tersebut tersimpan dengan baik di LOC hingga kini, dan merupakan tumpuan kajian kami di LOC, selain manuskrip Melayu. Kami telah membuat kajian di LOC dari 17 April hingga 9 Mei 2003 dan di Houghton Library, Universiti Harvard, dari 27 April hingga 3 Mei 2003.

Kami telah meneliti senarai manuskrip dan buku-buku yang telah disebutkan oleh para peneliti awal tersebut, dan mencuba menyiapkan senarai yang lebih lengkap mengenai manuskrip dan buku-buku Melayu di kedua-dua perpustakaan tersebut dan membuat perbandingan dengan salinan manuskrip yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur. Semasa kami di LOC, pada mulanya kami mengalami kesukaran untuk mengesan sebahagian teks-teks yang telah disenaraikan oleh para peneliti awal, kerana pustakawan pakar mengenai koleksi Melayu, Kohar Rony, baru bersara dan pegawai yang bertugas, walau pun ingin membantu, tidak dapat memberi maklumat dan bahan segera yang diperlukan, kerana kebetulan sebahagian teks sedang dalam proses di katalogkan. Pada peringkat awal, manuskrip *Hikayat Abdullah* yang terpenting dalam koleksi di sini tidak dapat dikesan kerana sebelum ini manuskrip tersebut digunakan untuk suatu projek perfileman atau dokumentasi TV mengenai Ekspedisi Wilkes. Namun ini dapat diatasi apabila kami dapat bertemu Kohar Rony dan isterinya, Minar, yang telah membantu menyelesaikan masalah kajian kami di LOC. Malah, dengan jasabaik Kohar Rony dan isterinya, yang juga pegawai perpustakaan LOC, kami dibenarkan untuk meneliti kotak-kotak yang mengandungi manuskrip Melayu untuk mencari sendiri manuskrip yang kami inginkan dan juga sekumpulan buku-buku Melayu yang belum dikatalog di rak-rak yang hanya boleh dikunjungi atau dirujuk oleh para pegawai perpustakaan LOC saja.

Kami juga menemui beberapa judul teks buku Melayu yang penting- *Sejarah Melayu*, edisi 1848, dua buah teks dalam satu Volume, dan *Kisah Raja-Raja Pasai* yang disunting oleh Edouard Dulaurier, Paris, Mei 1848 [LC no. 96-220222 atau call no: DS596.5 C65 1849]] yang belum disenaraikan oleh para peneliti terdahulu, mungkin kerana buku-buku nadir tersebut disimpan dalam buku-buku "Javanese". Dulaurier telah menerbitkan edisi pertama *Hikayat Raja-Raja Pasai* di Paris tahun

1849 berdasarkan sebuah manuskrip yang beliau salin sendiri dari manuskrip di Asiatic Society di London (Raffles Malay No.67) pada tahun 1838. (Jones, 1987: viii). Edisi pertama ini terdapat di LOC. Hasil penelitian kami, telah kami susun dalam Lampiran-lampiran A, B dan C.

Suatu pengalaman yang tidak dapat kami lupakan, ialah apabila Pegawai Pustaka Kanan Bahagian Asia, Dr Allen Thrasher, telah meminta kami untuk membantu menyiapkan senarai katalog untuk sekumpulan risalah Kristian dalam bahasa Melayu yang belum dikatalogkan sebelum ini. Senarai judul risalah yang kami siapkan adalah seperti dalam Lampiran D.

Bahan-bahan yang ditemui di Houghton Library, Universiti Harvard juga amat menarik, berguna dan masih 'segar' seperti buku baru yang belum tersentuh. Menurut, James Coxley, Pegawai perpustakaan kami adalah orang ketiga yang merujuknya, selain Proudfoot dan beliau sendiri sebagai pegawai perpustakaan. Kami sempat menatap 27 buah manuskrip yang dikatalogkan sebagai MS INDO (1-27), dan mendapati bahawa tidak semuanya dalam bahasa Melayu. Ada yang ditulis dalam bahasa Batak dan Bugis. Tidak semua manuskrip ini berasal dari Koleksi North. Misalnya MS INDO 4.2 (Doctrines & Duties) oleh Thomson, F.Bordine, adalah hadiah daripada seorang bernama Miss E.Thalman. Mungkin ianya dari pejabat-pejabat ABCFM yang lain di Asia Tenggara. Kami juga mendapati bahawa manuskrip yang disenaraikan sebagai "Common Place Book" (MS INDO 14) mengandungi surat, catatan oleh Abdullah dan beberapa orang lagi, yang amat bernilai diteliti sebagai sumber sejarah. Sementara manuskrip yang dikatalogkan sebagai MS INDO 17, telah dikatalogkan semula sebagai manuskrip bahasa Arab (MS ARAB 393).

Namun begitu, bahan penemuan kami yang penting dan menarik di Houghton Library ialah fail-fail surat dan dokumen pejabat ABCFM di Singapura, yang dalam bentuk tulisan tangan yang asal. Ini termasuklah laporan minit-minit mesyuarat ABCFM, yang menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan sejarah kegiatan mereka, termasuk kegiatan percetakan Melayu dan maklumat mengenai pengambilan khidmat Munsyi Abdullah kepada ABCFM:

### **MINUTES OF SPECIAL MEETING, MARCH 13, 1838**

Present Dickinson, North, J.Tracy. I.Tracy, Travelli, Dr Tracy in the Chair.

"Resolved that Abdullah may be engaged at fifteen dollars per month from the present and some encouragement be given him to affect that we may here after

make arrangement for his more permanent employment, and the payment of his debt at Malacca." ( ABC 16.2.6.Vol.1, Singapore Mission 1836-1841, Minutes p.144).

Selain koleksi LOC dan HL, satu lagi koleksi yang baru dikesan dan belum lagi diketahui ramai ialah koleksi manuskrip di Universiti Princeton USA., Princeton Collection of Islamic Manuscripts, dalam Koleksi Garrett, Litman Series. (Harap rujuk <http://libweb.princeto.edu/libraries/firestone/rbisc/aids/islamic/GarrLittMalay.pdf>.)<sup>1</sup> Ia mengandungi lebih kurang 12 buah manuskrip, bertarikh seawal 1775- 1860.

### **Jejak Warisan Pelayaran Agama dan Sains Amerika Syarikat**

Sejauh ini berdasarkan penemuan awal kami yang boleh dikongsi, seperti maklumat mengenai ABCFM, Mission Press dan Ekspedisi Sains Amerika yang diketuai oleh Komander Charles Wilkes yang dapat memberikan maklumat yang menarik mengenai sejarah Singapura, melalui autobiografinya. Kami juga bernasib baik sebab semasa kami di Washington DC, sebuah pameran mengenai "Celebrating the Legacy of Admiral Charles Wilkes", sedang berlangsung di US Botanical Garden, tidak jauh dari Library of Congress dan Hotel Capitol Hill Suites, yang menjadi tempat penginapan kami. Kami telah mengunjungi pameran tersebut pada 25 April 2003, yang memberikan maklumat berguna untuk mengetahui pelayaran Wilkes dengan lebih baik.

### **MISI EXPEDISI**

Misi Ekspedisi Penerokaan AS bertujuan untuk mengumpul data dan spesimen-spesimen yang dapat membantu pelayaran (*navigation*), perdagangan, diplomasi dan sains. Ini tercatat dalam surat yang ditujukan kepada Lieutenant Charles Wilkes, bertarikh 11 Ogos 1838 yang ditandatangani oleh James Kirke Paulding, Setiausaha Tentera Laut ketika itu.

---

<sup>1</sup> Penulis mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Annabel Gallop, Bahagian SEA, British Library yang telah menemui koleksi ini dan berkongsi dapatan penemuan lelaman yang menjelaskan koleksi di Perpustakaan Universiti Princeton ini, melalui emel beliau bertarikh 12 Julai 2005.

Pendorong utama pelayaran ini ialah *important interests of our commerce embarked in the whale-fisheries, and other adventures in the great Southern Ocean*. Tujuannya ialah untuk meneroka dan meninjau Lautan Selatan dan memaentukan kedudukan pulau-pulau dan tanjung-tanjung yang masih diragui. Matlamat ekspedisi ini ialah:

*“to extend the empire of commerce and science; to diminish the hazards of the ocean, and to point out to future navigators a course by which they may avoid dangers and find safety. Although the primary object of the expedition is the promotion of the great interest of commerce and navigation, you will take all occasion, not incompatible with the great purposes of your undertaking, to extend the bounds of science, and promote the acquisition of knowledge”.*  
(Watson, G.E., 1985: 43)

AS baru saja terbina sebagai sebuah negara yang merdeka. Ekspedisi ini adalah ekspedisi penerokaan yang terbesar yang belum pernah dilakukan sebelum itu, dan rakyat AS telah meminta agar ia dilakukan. Ini supaya negara Republik yang muda ini dapat mencapai tahap intelektual yang dihormati oleh negara-negara lain, khususnya di kalangan negara saingannya di Eropah, khususnya England and France, yang juga sedang menjalankan usaha yang sama dalam tempoh tersebut.

## **KOMMANDER PELAYARAN - CHARLES WILKES**

Charles Wilkes memimpin pelayaran laut yang terdiri dari enam buah kapal - Vincennes, Peacock, Porpoise, Relief (*supply ship*), dan dua kapal sekunar, the Flying Fish and The Sea Gull. Terdapat sembilan orang ahli sains awam yang mengikuti pelayaran ini, kebanyakannya agak muda, dengan usia purata 32 tahun, hampir semuanya terlatih dari segi akademik, dan sebilangannya kemudian menjadi tokoh besar dalam bidang masing-masing. Mereka ialah: James Dwight Dana, pakar geologi; Horatio Hale, pakar filologi; Titian R.Peale dan Charles Pickering, Alam Sekitar; William D.Brackenridge dan William Rich, Botani; Joseph P.Couthouy, konkologi; Alfred T. Agate dan artis; Joseph Dryton.

Kumpulan ini telah mengkaji selidik 280 pulau dan membina 180 carta pelayaran, sebahagiannya masih digunakan sehingga Perang Dunia II. Ekspedisi ini membuat peta persisir pantai wilayah Oregon sepanjang 800 batu, meneroka 1500 batu pantai Antartik, dan telah membuktikan kewujudan benua ketujuh.

Mereka mengumpulkan dan memerikan spesimen sejarah semulajadi dari merata dunia - 2000 burung, 150 mamalia, 1000 jenis karang, kerang-kerangan dan siput; 50,000 tumbuhan; dan ratusan fosil, mineral dan batu; dan lebih 5000 objek ciptaan manusia dan mendokumentasikan budaya masyarakat asli yang mereka temui. Spesimen-spesimen itu kemudiannya ditempatkan di Smithsonian Institution, menjadikannya sebagai National Museum of the United States. Ekspedisi ini mengambil masa kurang dari empat tahun (1838-1842), namun ia telah membantu AS menjadi sebuah kuasa kelautan (*Naval*) dan sains dunia yang penting dunia (Herman J Viola, 1985: 9).

Pada keseluruhannya, ekspedisi ini dianggap telah mencapai kejayaan yang amat besar dan hebat dalam semua bidang yang ingin dicapai seperti pelayaran, perdagangan, diplomasi dan sains. Pemahaman sains mereka dikatakan agak dasar (*rudimentary*) pada tahun 1836. Melalui ekspedisi ini mereka telah membuat sumbangan besar dalam bidang sains kerana sumbangan dan kepemimpinan tokoh-tokoh seperti Asa Gray (1<sup>st</sup> American professor in botany); James Dwight Dana, ahli geologi AS yang paling berpengaruh pada abad ke-19 dan terus menjadi tokoh penting dalam sejarah geologi; dan Horace Hale, yang telah membuat kajian linguistik di Kepulauan Pacific Islands dan Masyarakat India Asli (*Native Indian*) di Amerika Utara.

Tempat-tempat utama diterokai dalam Ekspedisi ialah the Antarctic, Kepulauan Pacific seperti Fiji dan Polynesia, Australia, Oregon Territory, California, Northwest of North America, and Chile and Peru di Amerika Selatan. Asia Tenggara bukanlah destinasi utama atau fokus ekspedisi. Sungguhpun begitu, pelayaran singkat ke Asia Tenggara, meninggalkan kesan yang menarik terhadap perkembangan sejarah rantau ini, khususnya Dunia Melayu.

## EXPEDISI DI ASIA TENGGARA

Ekspedis Wilkes belayar ke Asia Tenggara dan menjalin hubungan diplomatic dengan beberapa buah Negara. Mereka bertemu Sultan Sulu, Sultan Mohammad Damaliel Kisand, beragama Islam yang telah memerintah Kepulauan Sulu yang berpusat di Soung sejak abad ke-16. Sebenarnya, pada 1837, setahun sebelum ekspedisi meninggalkan Norfolk, Setiausaha Negara Amerika menerima surat dari pegawai dari istana Sulu mengundang AS membuat perjanjian dan menggalakkan negara itu berdagang di sana. Bila tiba di Soung, Wilkes memenuhi permintaan

tersebut dengan menandatangani perjanjian di mana sultan bersetuju melindungi AS di wilayah kerajaannya. Perjanjian Sulu melindungi kapal dagang AS yang melalui Laut Sulu dari bahaya serangan lanun. Ini juga menjimatkan masa pelayaran mereka ke Manila atau Canton, dan menguntungkan mereka dari segi kewangan. Perjanjian Sulu dan penerokaannya amat genting kerana membuka laluan dagang baru kepada AS dengan China, yang seterusnya membawa kepada Perang Chandu, dan kesan selanjutnya.

## CATATAN PELAYARAN WILKES DI SINGAPURA

Selepas Filipina, Eskpedisi Wilkes telah singgah di Singapura. Menurut catatan Autobiografi Wilkes, kapal Wilkes, bernama Vincennes mendarat di Singapore Roads pada 19 February 1842 pada jam 1700. Dua kapalnya yang awal, Porpoise dan Oregon telah tiba lebih awal pada 22 Januari, dan Kapal Flying Fish tiba pada 16 February. Wilkes telah menceritakan kunjungannya di Singapura seperti berikut:

*"We remained ten days at Oahu, and having completed all necessary supplies, the orders were given for the vessels to prepare for sea. The Porpoise and Oregon were put under direction of Lt Comd Ringgold to look up some reefs and shoals on the route to the East Indies; the Flying fish to take a more Southern route for the Same purpose; and the Viencennes to visit the localities of certain islands which were believed to exist, though frequently sought for without success. The vessels, two brigs, were ordered to render[z]vous at Singapore while the Vincennes and Flying Fish sought Manila in order to pass the Sooloo [Sulu] sea and thence to Singapoer where we all joined Company again and where our supplies had been sent."*(autobiography, 1978:511)

Wilkes menyatakan pandangannya mengenai Singapura:

*"The island of Singapoer has no beauty except its plantations and is almost level- but a few feet above the Sea except towards its South end which rises in a small hill. The soil is rich and light and easy of cultivation. I was very pleasantly entertained by Mr Balestier and his good lady whose home was very pleasant and furnished after the East India fashion. It may be said to be in the Woods or Jungle, and this section is infested by tigers who at times are very troublesome and destructive. Numerous facts were told in that they had at times seized the workmen on the plantation and carried them off. At night their roar was heard*

*prowling about and every precaution was necessary to protect their domestic animals.” (Autobiography, 1978:512)*

Wilkes hanya berada di Singapura selama lebih kurang seminggu kerana kapalnya meninggalkan Singapura pada 26 February 1842 menuju Cape of Good Hope. Namun begitu, dalam jangka masa singkat itu, beliau sempat mengumpulkan beberapa manuskrip Melayu yang penting. Beliau bertemu Alfred North, mubaligh Amerika di Singapura yang telah membantunya. Menurut Wilkes, *“From Mr North we obtained a number of rare Malay and Bugis manuscripts forming a collection which is said to be the largest now in being that of Sir Stamford Raffles having been lost. Some of them are beautifully written”*. Wilkes juga memberikan sejumlah wang kepada North untuk membeli beberapa buah manuskrip dan buku-buku untuk dikirimkan kepada beliau (Asmah Amat, 1993: prakata).

Di Singapura, Wilkes telah menjualkan kapalnya, the Flying Fish, kerana kapal itu tidak lagi berguna (no longer seaworthy). Kapal ini dijual kepada awam dengan harga \$3, 700. Keputusannya itu telah dikesalkan. Salah seorang pegawainya berpendapat bahawa kapal Flying Fish sepatutnya ditempatkan di *“a place in Our National Museum- if we ever have on”* (Stanton 1975:274). Wilkes menjelaskan dan mempertahankan keputusan beliau itu:

*“Previous to our departure from Singapoer, I was obliged to offer the Flying Fish for sale. I was extreemly anxious to bring her to the United States. She was pretty worn out and had become unpopular among the officers who were ordered to her and who had encountered a good deal of hard service and, necessarily, privation. I was not sorry when the Board I ordered to examine her reported that if retained in the service she would require extensive repairs, which would consume much valuable time, to permit her to encounter the stormy seas that we should encounter in our homeward route- [this] brought me to the conclusion of selling her. She brought a price a little less than she cost and relieved me of great responsibility without contributing in any way to the advance of the duties which remained to be performed. I was well satisfied it was a judicious resolve as met a great deal of Bad weather on our way home” (1978:514)*

Pada umumnya, Wilkes tidak mempunyai kesan yang positif mengenai Singapore dan terpaksa pula menjual salah sebuah kapalnya di sini. Beliau telah bertemu beberapa orang di Singapura, seperti Komander Lawrence Kearny yang dalam perjalanan ke China melalui East India Squadron untuk melindungi kepentingan Amerika di sana. AS membuat perjanjian dengan Negara tersebut

pada 1844. Kapten Lewis , sebuah kapal Jawa juga bertemu Wilkes di Singapura dan menghadiahkan Wilkes sebilah keris Jawa, yang kini dipamerkan di Natural History Museum, Smitsonian, Washington DC. Tiga puluh tahun kemudian, ketika berusia 73 tahun, beliau menulis autobiografinya dan beliau mengingat Singapura sebagai *“Island of no beauty... is infested by troublesome and destructive tigers”*. Namun begitu, beliau masih mengenang jasabaik dan layanan Konsul Amerika dan isterinya:

*“Our stay at Manila was in every way was gratifying. We were very much gratified with our reception at Singapoer. Here we found Mr [Joseph] Balestier asting as Consul, a most worthy and intelligent gentleman who was highly esteemed. He had been here for several years. On his appointment to this Consulate he was entirely ignorant of its locality, except that under the jurisdiction of the English Government and a free port to the commerce of the surrounding natives of the islands, all restrictions of commerce being removed. Mr Balestier showed me a tracing of the Chart I had given him in Washington after his appointment. He insisted on my taking up my quarters at his Bungalow a few Miles from the city...*

*Mr Balestier promoted our pleasure in many ways and did all in his power to afford us pleasure of witnessing the peculiar habits and customs of the great collection of natives, strangers and sojourners, & enabled us to witness the many and various tricks of the adroit jugglers and had enacted some plays on his green before his veranda. He had a good sense to avoid the entertainments usually given by Consuls to the officers of ships of war, which are not at all necessary and entail upon them much expense. He consulted me about it and I frankly told him it was better not to incur any expense as I did not think he was called upon to do anything of the kind, and as I was well aware, it was an unnecessary taz upon him when he could not afford it and it was folly to give entertainments, costly and oftentimes extravagant. It was much gratifying to see him and family & pass the day in the social circle, which could be done without expense. This entertainment of the foreign officers is, at best, a great bore and is better in the breach than observance.*

*On the last day of my stay, Mrs Balestier had sent me off a Cabinet of the woods of this country, which I had [illegible] as a great curiosity with a kind note presenting it to my wife. It was a huge case & [created] difficulty of finding accommodation on the ship. I finally determined to give it a place in my cabin. It was entirely empty but filled up for a collection of shells & minor curiosities, and I brought it home.” (1978: 512-3)*

Wilkes menceritakan pelayarannya dari Singapura ke destinasi seterusnya, Tanjung Harapan (the Cape of Good Hope) sebagai pelayaran yang lancar dan menyenangkan, biarpun pada awalnya beliau berasa ketakutan diserang lanun di Selat Riau:

*"We left Singapore and proceeded through the Straits of Rhio correcting the charts where necessary. I believe it is the best passage and shortest to the Straits of Sunda. There are objections to passing through it by Merchants' vessels who fear encountering the "Phahus" and being set upon by the Pirates who frequent them at certain seasons of the year, and I think it is a serious objection to the navigation. In passing through the Straits of Rhio I did not venture to run at night but always anchored. There is good anchorage throughout. We passed them and on the 3rd day were in the Straits of Sunda and rejoiced to get out into the Indian Ocean. We were rather late and it was probable we should encounter bad weather on the change of the Moonsoon and consequently, directed our course to reach the S.E. trade winds as speedily as possible where we enjoyed fine weather and fair & strong winds. I had concluded to stop at the Cape of [Good] Hope and reached Cape Town on the 12th April, 1842."* (1978: 514)

## **Bahtera Nusantara di Lautan Antarabangsa**

Kapal-kapal pelayaran agama dan sains Amerika Syarikat yang bersejarah sudah lama meninggalkan pelabuhan Singapura dan alam nusantara, lebih kurang 164 tahun lalu. Sudah banyak perubahan berlaku pada AS dan Singapura. Misi pelayaran sains mereka telah tercapai kerana AS kini menjadi sebuah kuasa besar dunia dari segi politik, sains dan teknologi. Misi pelayaran agama mereka mungkin masih terus dilayarkan. Pelabuhan Singapura pula telah berkembang menjadi salah satu pelabuhan terbaik dunia dan pencapaian dalam pelbagai bidang ekonomi dan kehidupan. Warisan persuratan nusantara yang dibawa pulang dalam pelayaran perintis sains dan agama AS ke tanahair mereka sudah lama tersimpan di perpustakaan ilmu mereka, namun masih belum ada kemajuan yang menonjol pada kajian terhadap warisan persuratan Melayu, sehingga warisan ini terus terdampar jauh, sepi menanti untuk ditatapi dan dihargai. Ternyata, kesan pelayaran agama dan sains Amerika di tengah lautan warisan persuratan Melayu nusantara kepada masyarakat nusantara sendiri masih samar dan sayup di kejauhan, dan perlulah terus diselongkar untuk mencari butiran mutiara ilmunya. Sesungguhnya, lautan warisan persuratan Melayu menuntut segera eskpedisi minda di kalangan sarjana nusantara pula, dan perlu ada segolongan cendikia

nusantara yang berminat dan mampu membina bahtera sarjana yang perkasa untuk merentas lautan antarabangsa yang bergelora, menyelam dasar lautan persuratan Melayu dan seterusnya mengangkat dan mensejagatkan nilai ilmu dan keindahannya.

## BIBLIOGRAFI

- Abinales, Patricio N., 2000. *Making Mindanao. Cotabato and Davao in the Formation of the Philippine Nation-State*. Manila: Ateneo De Manila University Press.
- Asmat Amat, 1993. *Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress, U.S.A.* K.L.:Perpustakaan Negara Malaysia. Siri Bibliografui manuskrip, 12.
- Badriah Haji Salleh, 1999. *Warkah Al-Ikhlâs 1818-1821*. K.L.:DBP.
- Gallop, Annabel The, *Warisan Warkah Melayu*, pp.160-7.
- Gallop, Annabel The, 1995. "Malay sources for the history of the Sultanate of Brunei in the early nineteenth century:some letters from the reign of Sultan Muhammad Kanzul Alam. From Buckfast to Borneo: Essays presented to Father Robert Nichool on the 85th anniversary of his birth, 27 March 1995, eds Victor T. King and A.V.M.Horton, pp.207-35. Hull: University of Hull.
- Harun Mat Piah, 1987. "Manuskrip-manuskrip Melayu dalam koleksi Library of Congress Amerika Syarikat", *Sari* 5, Julai 1987, pp 3-15.
- Herman J.Viola and Carolyn Margolis, editors. 1985. *Magnificent Voyagers, The U.S. Exploring Expedition, 1838-1842*. Washington D.C.: Smithsonian Institution Press.
- Hofstadter, Richard, 1969, ed.. *Great Issues in American History, From Reconstruction to the Present Day, 1864-1969*. New York; Vintage Books.
- Jenkins, John S., [n.d.]. *Explorations and Adventures in and around the Pacific and Antarctic Oceans being the Voyage of the U.S., Exploring Squadron commanded by Captain Charles Wilkes together with explorations and discoveries made by Admiral D'urville, Captain Ross*. New York: Hurst & Co. Publishers.
- Nicholl, Robert, 1991. *Raja Bongsu of Sulu*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Monograph No.19.

- Orosa, Sixto Y., 1970. *The Sulu Archipelago and Its People*. New York: World Book Company. Enlarged and Updated with a Supplement.
- Poleman, Horace I., 1938. *A Census of Indic Manuscripts in the United States and Canada*. New Haven: American Oriental Society.
- Proodfoot, Ian, 2000. "Malay Materials in the Houghton Library", *Kekal Abadi, Berita Perpustakaan Universiti Malaya*, Jil 19, bil 1., pp.1-14.
- Proodfoot, Ian, 2001. "Malay Toying with Americans: the rare voices of Malay Scribes in two Houghton library manuscripts", *Harvard Library Bulletin, New Series*, vol.11, no.1 (Spring 2000), pp. 54-69.
- Roger Tol, 2001. "Malay Scribes:Husin bin Ismail, Abdullah bin AbdulKadir Munsi, their handwriting and the Hikayat Abdullah", *Archipel* 61,pp.115-138.
- Rony, A.Kohar, 1991. "Malay Manuscripts and Early Printed Books at the Library of Congress". *Indonesia*, Cornell University, pp.123-134.
- Teeuw, A. "Korte Mededelingen: Malay Manuscripts in the Library of Congress", in *Bidjdragen tot de taal-, land- en volkenkunde*. Deel 123 afl.4, 1967, p.517-520.
- Ver Steeg, Clarence L. and Hofstadter, 1969, eds. *Great Issues in American History, From Settlement to Revolution, 1584-1776*. New York:Vintage Books.
- William James Morgan, David B.Taylor, Joye L.Leonhart and Mary F.Loughlin, editors, 1978. *Autobiography of Rear Admiral Charles Wilkes, U.S.Navy 1798-1877*. With introduction by Rear Admiral John D.H.Kane, Jr, USN (Ret.), Washington: Naval History Division, Dept of of the Navy, 1978, pp.511-514.
- Wilkes, Charles, 1845. *Narrative of the United States' Exploring Expedition, during the years 1838, 1839,1840,1841,1842.1845*, London: Whitaker [1845?]
- Wilkes, Charles, 1845. *Narrative of the United States exploring expedition during the years 1838, 1839, 1840, 1841, 1842*. By Charles Wilkes, With illustrations and maps. In five volumes.<1845>. Published: Philadelphia,Lea and Blanchard, 1845.
- United States Navy Department, 1837. *Exploring expedition. Message from the President of the United States, transmitting the information*

*required by a resolution of the House of Representatives ... in relation to the progress which has been made with regard to the exploring expedition, authorized at the last session of Congress.<1837>*  
Published: [Washington] Blair & Rives, Printers [1837].

Jenkins, John S. (John Stilwell), n.d. *Explorations and adventures in and around the Pacific and Antartic oceans; being the voyage of the U.S. exploring squadron, commanded by Captain Charles Wilkes of the U.S. Navy, in 1838, 1839, 1840, 1841, and 1842; together with explorations and discoveries made by Admiral D'Urville, Captain Ross, and other navigators and travellers; and an account of the expedition to the Dead Sea, under Lieutenant Lynch.<*  
>Published: New York, Hurst [n.d.]

Jenkins, John S. (John Stilwell), 1855. *United States exploring expeditions : Voyage of the U.S. exploring squadron, commanded by Captain Charles Wilkes, of the United States navy, in 1838, 1839, 1840, 1841, and 1842; together with explorations and discoveries made by Admiral D'Urville, Captain Ross, and other navigators and travellers; and an account of the expedition to the Dead Sea, under Lieutenant Lynch / by John S. Jenkins.<1855>*Published: Auburn and Rochester: Alden, Beardsley, 1855.

Jenkins, John S, 1853. *Recent Exploring expeditions to the Pacific and the South Seas, under the American, English, and French governments.* By J.S. Jenkins ...Published: London, T. Nelson and sons, 1853.

## BIOGRAFI PENULIS

Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat mendapat Ijazah PhD dari Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (SOAS), Universiti London (1995). Beliau adalah Sarjana Pelawat Program Fulbright untuk menjalankan kajian di Amerika Syarikat (2002/2003); Felo Bersekutu, Institut Antarabangsa Pengajian Asia (IIAS), Universiti Leiden, Netherlands (2010) dan Sarjana Pelawat Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (SOAS), Universiti London (2011). Kini Ketua Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu dan Timbalan Ketua Kumpulan Akademik ALC, NIE. Beliau editor buku: *Rhythmes: A Singaporean Millennial Anthology of Poetry* (2000); *Selves - Jati Diri-Citra Seni Di Singapura* (2002); *Siri Karya Anugerah Persuratan Singapura 1993-2001*, (2003, 2004); *The Last kampong Mosque in Singapore* (2007); *Citra Murni Insan dalam Pendidikan* (2011); dan *Masuri SN – Sasterawan Melayu di Persada Antarabangsa* (2011).